

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS BERBUKA PUASA DAN PELANCARAN PUSAT TUISYEN
ALBUKHARY TAHUN 2003
DI MUZIUM KESENIAN ISLAM
3 DISEMBER 2002

Terlebih dahulu, marilah kita memanjat kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia Nya dapat kita berkumpul di majlis ini. Selepas 28 hari kita berpuasa dan menjelang Hari Raya Aidilfitri, saya berdoa agar ibadah dan pengorbanan yang telah kita sumbangkan dalam bulan Ramadhan yang penuh mulia dan berkat ini akan memberi kekuatan dan iltizam untuk kita meneruskan membangun ummah dan negara. Saya mengucapkan terima kasih atas jemputan untuk Majlis Berbuka Puasa serta merasmikan tahun kedua pusat-pusat tuisyen sumbangan Yayasan Albukahry.

2. Pada majlis pelancaran pusat tuisyen tahun 2001, pada 12 Disember 2001, saya telah menyuarakan betapa pentingnya negara kita memiliki bilangan tenaga pekerja yang ramai dalam bidang Sains dan Teknologi. Dari segi sejarah tamadun manusia, majunya sesuatu masyarakat adalah disebabkan oleh Sains dan Teknologi. Sebagai contoh, pembinaan Piramid di zaman Tamadun Mesir dan pembinaan Tembok Besar Cina lebih dari 2,000 tahun yang lampau adalah berteraskan kepada aplikasi prinsip-prinsip Sains dan Matematik. Kemasyuran Tamadun Islam di abad ke 11, 12 dan 13 adalah disebabkan oleh cetusan pemikiran ulama-ulama yang berasaskan kepada Sains dan Teknologi. Begitu juga perkembangan dan pembangunan Tamadun Eropah Moden melalui Revolusi Perindustrian di abad ke 18 dan 19 adalah disebabkan oleh penciptaan jentera dan teknologi di samping lahir ramai ahli-ahli saintis dan teknologis yang mencetuskan pemikiran untuk mencipta alat dan mesin teknologi.

3. Bagi sebuah negara yang bergerak kepada perindustrian tinggi, Malaysia memerlukan ramai ahli-ahli Sains dan Teknologi yang berkemahiran tinggi. Hasrat sedemikian hanya akan terlaksana sekiranya sistem persekolahan kita mampu melahirkan ramai lepasan sekolah yang berkelulusan dalam bidang Sains dan Matematik. Mata pelajaran seperti Matematik Tambahan, Fizik, Kimia dan Biologi serta penguasaan Bahasan Inggeris adalah penting dan kritikal dilihat dari perspektif pembangunan negara. Malangnya peratus yang lulus dari keluaran sekolah yang menceburi bidang Sains dan Teknologi, terutama dari kalangan pelajar-pelajar Bumiputera, adalah berkurangan. Antara sebabnya, ialah kurangnya bilangan murid-murid Melayu yang berkebolehan tinggi dalam bidang Matematik dan Sains Tulen.

4. Usaha Yayasan Albukhary menubuhkan pusat tuisyen yang berfokuskan kepada Matematik Tambahan, Fizik, Kimia dan Biologi adalah langkah yang baik untuk membantu usaha Kerajaan membangunkan negara dalam bidang Sains dan Teknologi. Dengan 205 pusat, 1,230 orang guru yang akan mengendalikan pusat tuisyen serta 15,000 orang murid yang akan menerima faedah ini, usaha yang bernilai RM 4.5 juta ringgit, adalah satu sumbangan yang besar maknanya dari Yayasan Albukhary dan Yang Berbahagia Tan Sri Syed Mokhtar. Saya berharap guru-guru yang mengajar di pusat tuisyen ini menerima tugas ini dengan penuh tanggungjawab. Pelajar-pelajar yang terpilih untuk kelas tuisyen ini seharusnya memberi balasan dengan disiplin, rajin dan berusaha bersungguh-sungguh untuk maju dalam bidang Matematik dan Sains. Walaupun kelima mata pelajaran yang

disebut itu diakui sukar untuk dipelajari, tetapi mampu dikuasai sekiranya tekun dan yakin terhadap diri sendiri. Saya juga berharap projek pusat tuisyen oleh Yayasan Albukhary ini berjalan dengan baik dan berkesan dengan kehadiran yang penuh oleh pelajar-pelajar.

5. Kita akan hanya dihormati sekiranya kita mempunyai kredibiliti. Kita akan hanya dihormati jika kita mempunyai kemahiran, berilmu dan mempunyai daya cipta dan inovasi yang tinggi. Sebab itu kerajaan mempertaruhkan peruntukan yang besar dalam bidang pendidikan bagi membolehkan anak-anak kita mendapat pendidikan yang bermutu bagi melahirkan tenaga pekerja yang cemerlang dalam pelbagai bidang. Kita mahu anak-anak kita tidak ketinggalan dalam serba-serbi cabang ilmu, baik yang berkaitan dengan ilmu dunia dan juga dengan ilmu akhirat. Gabungan kedua-dua cabang ilmu ini akan membolehkan kita melahirkan insan yang baik di dunia dan di akhirat.

6. Sistem pendidikan di sekolah kebangsaan adalah sistem pendidikan yang terbaik kerana ia merangkumi ciri-ciri pendidikan Islam yang di dalamnya ada sistem pendidikan berkaitan matematik, sains, teknologi dan pengurusan dan yang ada hubungan kait dengan agama Islam seperti tauhid, fikah, al-Quran dan fardu ain. Malangnya, perkembangan hari ini membimbangkan saya kerana kecenderungan ibu bapa lebih gemar memilih sekolah agama.

7. Saya sedar ibu bapa mahukan anak-anaknya menjadi orang yang pandai dan baik. Tetapi ibu bapa juga perlu sedar bahawa dalam dunia yang penuh cabaran dan pasaran pekerjaan yang memerlukan mereka yang mempunyai kelulusan bukan saja tinggi tetapi bersesuaian dengan kehendak pasaran, adalah sukar bagi anak-anak yang hanya mempunyai kelulusan dalam satu bidang saja. Kita tidak mahu anak-anak kita yang pandai tetapi tercicir dari segi mendapatkan pekerjaan. Ini akan melebarkan jurang antara bumiputera dan bukan bumiputera dari segi kemajuan dalam pendidikan dan pekerjaan. Saya berharap ibu bapa mempunyai kesedaran yang tinggi dalam hal ini dan tidak mengeneipkan sekolah kebangsaan.

8. Dengan lafaz suci, Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Kelas Tuisyen Albukhary bagi tahun 2003. Semoga usaha yang murni ini diberkati Allah S.W.T.

Terima kasih.